



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 24 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JANGAN KONGSI KES PENGABAIAAN, PENDERAAN KANAK-KANAK DI MEDIA SOSIAL - NANCY SHUKRI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1238126/jangan-kongsi-kes-pengabaian-penderaan-kanak-kanak-di-media-sosial	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-jadikan-kes-dera-abai-kanakkanak-sebagai-kandungan-media-sosial-467610	ASTROAWANI.COM
	https://bernama.com/en/news.php?id=2290592	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/local_news/nancy-stop-sharing-child-abuse-videos-on-social-media-contact-talian-kasih-HG12365332	THESUN.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/24/kes-dera-lapor-talian-kasih-bukan-buat-content-di-media-sosial/	KOSMO.COM.MY
	https://www.wilayahku.com.my/jangan-jadikan-kes-dera-abai-kanak-kanak-sebagai-kandungan-media-sosial/	WILAYAHKU.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1041608/stop-sharing-child-abuse-videos-social-media-contact-talian-kasih-%C2%A0	NST.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/jangan-jadikan-kes-dera-abai-kanak-kanak-sebagai-kandungan-media-sosial-menteri/	BULETINTV3.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082845/guna-saluran-betul-jangan-kongsi-kes-dera-di-media-sosial	HMETRO.COM.MY
	https://thesun.my/cerita/jangan-jadikan-kes-dera-abai-kanak-kanak-sebagai-kandungan-media-sosial-GG12365223	THESUN.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/hubungi-talian-kasih-jika-ada-kes-dera-bukan-buat-content-di-media-sosial/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2290586	BERNAMA.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/04/23/jangan-jadikan-kes-dera-abai-kanak-kanak-sebagai-kandungan-media-sosial/	TVSARAWAK.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/23/report-child-abuse-cases-to-the-authorities-says-nancy-shukri	THESTAR.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
2	HELIKOPTER TERHEMPAS: KPWKM SEDIA BERI BANTUAN SOKONGAN PSIKOLOGI KEPADA KELUARGA MANGSA	
	https://www.buletintv3.my/nasional/helikopter-terhempas-kpwkm-sedia-beri-bantuan-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/	BULETINTV3.MY
	https://thesun.my/cerita/nahas-helikopter-kpwkm-sedia-beri-bantuan-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa-FG12366892	THESUN.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nahas-helikopter-kpwkm-sedia-beri-bantuan-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa-467614	ASTROAWANI.COM
	https://thesun.my/local_news/helicopter-crash-kpwkm-ready-to-provide-psychological-support-to-family-members-of-victims-HG12366724	THESUN.MY
	https://bernama.com/en/news.php?id=2290827	BERNAMA.COM
	https://selangorjournal.my/2024/04/navy-helicopter-crash-kpwkm-ready-to-provide-psychological-support-to-victims-family-members/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2290717	BERNAMA.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/661019/berita/nasional/helikopter-tldm-terhempas-kpwkm-sedia-bantu-sokongan-psikologi	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MUDAHKAN PENDUDUK, KAUNTER JKM DIBUKA SEKALI SEBULAN DI DUN RAWANG	
	https://selangorkini.my/2024/04/mudahkan-penduduk-kaunter-jkm-dibuka-sekali-sebulan-di-dun-rawang/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	TANGANI MASALAH PENDERAAN KANAK-KANAK, GUBAL LANGKAH SEWAJARNYA: AMISAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/23/tangani-masalah-penderaan-kanak-kanak-gubal-langkah-sewajarnya-amisah	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

UKK KPWK M



www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

24/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	WANITA SIMBAH AIR PANAS DIPENJARA 10 TAHUN, DENDA RM6,000	
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/23/wanita-simbah-air-panas-dipenjara-10-tahun-denda-rm6000/	KOSMO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/23/simbah-air-panas-ke-arrah-oku-wanita-dipenjara-10-tahun-denda-rm6000/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2290568	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/simbah-oku-dengan-air-panas-wanita-dipenjara-10-tahun-denda-rm6000-JG12364872	THESUN.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=NTI_uVsejU	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/660949/berita/semasa/tindakan-wanita-simbah-oku-dengan-air-panas-kejam-tak-berperikemanusiaan---hakim	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1238095/simbah-oku-air-panas-wanita-dipenjara-10-tahun-denda-rm6000	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/660931/berita/semasa/wanita-simbah-oku-dengan-air-panas-dijel-10-tahun-denda-rm6000	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=O3T6BrIzBuw	YOUTUBE
	https://www.malaysiakini.com/news/703339	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-simbah-oku-dengan-air-panas-dipenjara-10-tahun-hakim-sifatkan-kejam-467549	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=9RJERJ2b8c	YOUTUBE
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/23/woman-in-penang-gets-10-years-jail-fined-rm6000-for-splashing-hot-water-on-down-syndrome-man-in-apartment-lift/130336	MALAYMAIL.COM
	https://thesun.my/local_news/woman-gets-10-years-jail-for-splashing-hot-water-on-down-syndrome-man-FG12363745	THESUN.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/23/woman-pleads-guilty-to-lift-attack-on-down-syndrome-man	THESTAR.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	APM SELAMATKAN KANAK-KANAK TERPERANGKAP DALAM KERETA DI BUKIT BINTANG	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/apm-selamatkan-kanakkanak-terperangkap-dalam-kereta-di-bukit-bintang-467475	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=eYWCJkPuRKw	YOUTUBE
	https://malaysiagazette.com/2024/04/23/kanak-kanak-dua-tahun-terperangkap-dalam-kereta/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=otleY_gb8gc	YOUTUBE
	https://thesun.my/cerita/berita/apm-selamatkan-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-di-bukit-bintang-MG12364293	THESUN.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/660910/berita/semasa/budak-2-tahun-terperangkap-dalam-kereta-di-bukit-bintang#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MAN'S THREE-YEAR JAIL TERM UPHELD FOR RAPE OF SCHOOLMATE	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/04/1041429/mans-three-year-jail-term-upheld-rape-schoolmate	NST.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/court-upheld-man-s-prison-sentence-for-rape-of-schoolmate-OG12364093	THESUN.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1237932/rogol-rakan-sebaya-mahkamah-rayuan-kekal-hukuman-penjara-3-tahun	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	20 MEI PENGURUSAN KES LELAKI KEKALKAN PENGAKUAN TIDAK BERSALAH CABUL BUDAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/23/20-mei-pengurusan-kes-lelaki-kekalkan-pengakuan-tidak-bersalah-cabul-budak	UTUSANBORNEO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PENGANGGUR DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ADIK PEREMPUAN	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/232923/penganggur-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-adik-perempuan/	DAILYEXPRESS.COM.MY



Jangan kongsi kes pengabaian, penderaan kanak-kanak di media sosial - Nancy Shukri

Oleh Mohd Amin Jalil - April 23, 2024 @ 2:35pm
bhnews@bh.com.my



Nancy (tengah) bergambar bersama guru dan pelajar pada Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih kanak-kanak di SMK Seri Ampangan. - Foto NSTP/Azrul Edham

SEREMBAN: Orang ramai diminta tidak menjadikan media sosial sebagai tempat menyalur atau menyebarkan maklumat serta berkongsi berkaitan sesuatu kes pengabaian dan penderaan kanak-kanak.

Menteri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata sebaliknya, mereka perlu menggunakan kemudahan disediakan oleh kementerian itu untuk menyalurkan maklumat berkenaan seperti menghubungi Talian Kasih di 15999 atau institusi di bawah KPWK.

"Jangan berkongsi sesuatu kes pengabaian atau penderaan kanak-kanak itu di media sosial.

"Kena laporan kes itu kepada pihak kami dengan menggunakan perkhidmatan yang disediakan seperti Talian Kasih 15999 atau institusi di bawah KPWK.

"Jika dilaporkan di media sosial dan tiada maklumat terperinci, sukar untuk diambil tindakan dan melakukan siasatan terhadap pihak yang terlibat.

"Pegawai Kebajikan Masyarakat kita berada di setiap daerah, jadi mudah untuk tindakan segera diambil sebaik kami menerima aduan," katanya kepada media di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak Peringkat Negeri Sembilan 2024 di Dewan Terbuka Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Ampangan, di sini, hari ini.

Hadir sama, timbalannya, Datuk Dr Noraini Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim.

Nancy berkata, cara itu dikenal pasti lebih berkesan untuk menangani isu terbabit kerana aduan terus diterima oleh institusi di bawah kementeriannya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata, KPWK akan memperhebatkan promosi menerusi program advokasi di 300 sekolah di seluruh negara tahun ini, bagi menggalakkan orang ramai memanfaatkan Talian Kasih jika berlaku sebarang isu berkaitan kanak-kanak.

"Kami menganjurkan program ini untuk beri pendedahan kepada masyarakat termasuk warga sekolah, bagaimana hendak melaporkan apa sahaja isu berkaitan kanak-kanak dengan segera," katanya.

Berhubung kedudukan pemberi maklumat, Nancy berkata, mereka tidak perlu bimbang kerana nama mereka dirahsiakan.

Menurutnya, pihaknya mahu masyarakat sama-sama memainkan peranan membantu kerajaan dalam menangani isu kanak-kanak.

"Orang ramai juga tidak mahu kes berkaitan kanak-kanak berlarutan dan mahukan pihak berkuasa mengambil tindakan, jadi masyarakat harus bersama memainkan peranan menangani perkara ini.

"JKM atau kementerian kami, tidak mampu menangani kes-kes ini tanpa kerjasama dari semua pihak," katanya.



Helikopter terhempas: KPWKM sedia beri bantuan sokongan psikologi kepada keluarga mangsa

🕒 23 April 2024, 5:55pm



FOTO: NSTP


SEREMBAN: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia memberikan bantuan sokongan psikologi kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi dua helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) terhempas di Lumut, Perak pagi ini.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, ketika ini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mendapatkan maklumat terperinci berkaitan keluarga mangsa daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum bantuan diberikan.

“Kita (KPWKM) ucapkan takziah kepada keluarga 10 mangsa. Selepas maklumat dikumpulkan, kita akan menghantar kaunselor daripada kementerian untuk mendengar dan bantu keluarga berkenaan.

“Kita tahu dalam kesukaran seperti ini, mereka mungkin memerlukan orang lain untuk membantu menenangkan dan memberi sokongan kepada mereka, kita akan sentiasa dan boleh membantu keluarga mangsa,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM@Seremban di sini hari ini.

TLDM mengesahkan 10 anggotanya terkorban dalam insiden pada 9.32 pagi tadi yang melibatkan tujuh kru Helikopter Operasi Maritim (HOM-AW139) dan tiga lagi kru Fennec TLDM.- BERNAMA



Ahli Dewan Negeri Rawang Chua Wei Kiat. Foto Arkib Selangorkini

Mudahkan penduduk, kaunter JKM dibuka sekali sebulan di DUN Rawang

by Suhaila Shahrul Annuar · April 23, 2024 1:33 pm

SHAH ALAM, 23 APRIL: Kaunter perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dibuka dengan kekerapan sekali sebulan di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat berkata untuk bulan ini kaunter akan dibuka esok bermula 9.30 pagi hingga 3 petang.

"Antara khidmat yang bakal ditawarkan termasuklah berkaitan urusan permohonan atau penerangan mengenai bantuan disediakan JKM yang dikendalikan sendiri pegawainya.

"Setiap bulan JKM akan datang ke pusat khidmat DUN Rawang atas permintaan saya ketika bermesyuarat dengan JKM Gombak (sebelum ini) memandangkan jarak Rawang ke pejabat JKM terdekat agak jauh.

"Ini bagi memberi kemudahan terutama kepada orang miskin kerana jarak yang agak jauh, jadi saya minta mereka buka kaunter sebulan sekali di pusat khidmat saya," katanya kepada Selangorkini.

Wei Kiat berkata penerangan daripada pegawai JKM sendiri akan membantu memudahkan urusan pemohon selain menjimatkan kos terutama kepada golongan yang memerlukan.



Tangani masalah penderaan kanak-kanak, gubal langkah sewajarnya: Amisah

© 2024-04-23T14:43:53+08:00



AMISAH

KOTA KINABALU: Masalah penderaan yang berlarutan dan dikatakan menjadi kanser atau barah dalam komuniti, dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dilantik, Datuk Amisah Yassin berkata, penderaan dan kezaliman terhadap kanak-kanak adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima dan dipandang remeh oleh komuniti serta pengubalan akta, undang-undang, bahkan langkah segera perlu diambil bagi menghentikan perbuatan itu.

"Baru-baru ini kita sangat terkejut apabila terdapat satu laporan mengenai kes dera membabitkan kanak-kanak berusia lima dan 13 tahun, yang ditekap dengan seterika, disiram dengan air panas dan dipukul dengan batang besi.

"Kita tidak faham mengapa masih ada individu yang bergelar manusia sanggup memperlakukan kanak-kanak, golongan lemah yang sepatutnya dilindungi, dijaga, diberikan pendidikan dan dicurahkan kasih sayang tetapi dijadikan mangsa kekejaman ibu bapa dan penjaja.

"Sampai bila kita harus menatap berita-berita yang menyayat hati seperti ini, sedangkan haiwan tidak memperlakukan anak mereka dengan kejam, bagaimana kita ini yang bergelar manusia tetapi langsung tidak mempunyai sifat simpati dan belas ihsan," katanya.

Bellau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan perbahasan beliau sewaktu Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah pada Isnin.

Justeru, Amisah mengesa pihak berwajib untuk meneliti dan mengkaji tentang masalah penderaan dan mencari penyelesaian tuntas dengan kadar lebih segera.

"Saya memohon di Dewan Yang Mulia ini agar agensi dan kementerian yang berkaitan segera mengambil langkah-langkah lebih serius dan drastik agar kes-kes penderaan seperti ini tidak lagi berulang.

"Kempen-kempen mengesal cara mengawal emosi, dan kemarahan mesti diterap kepada masyarakat khususnya mereka yang mahu mendirikan rumah tangga.

"Jiran-jiran dan orang awam yang melaporkan kes dera wajar diberikan ganjaran dan insentif supaya ada sifat berhemba-lumba untuk mengambil cakna dengan masalah sosial di tempat mereka," katanya.

Dalam pada itu, Amisah turut meminta agar kejiranan, guru, pemimpin peringkat komuniti dan ahli keluarga sendiri untuk peka dan melatih anak-anak dari usia muda supaya faham tentang konsep penderaan dan berani untuk bersuara jika terjejak menjadi mangsa kepada kes berkenaan.

"Kita mesti melatih anak-anak untuk lebih peka, dan kita juga perlu peka dengan murid dan kanak-kanak dibawah jagaan kita.
"Jika dilihat agak mencurigakan segera lapor kepada pihak polis bagi tujuan pemeriksaan segera.

"Sudah pasti, saya juga mahu dan meminta agar pihak berkaitan mengkaji semula hukuman yang dikenakan kepada pesalah kes dera dan hukuman mestilah setimpal dan mampu memberi pengajaran kepada orang lain," katanya.

Amisah menegaskan bahawa hukuman sedia ada mungkin memberi tanggapan kepada pesalah kes penderaan bahawa undang-undang negara tidak ketat terhadap isu penderaan.

"Perlu ada hukuman sebat dan penjara yang lama kepada pelaku dan mereka perlu merasai sakit bagaimana mereka menyakiti kanak-kanak.

"Mangsa dera akan mengalami trauma seumur hidup mereka, sedangkan pelaku boleh bebas begitu sahaja jika dikenakan sekadar penjara setahun atau dua tahun.

"Saya mengesa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah dan agensi-agensi yang berkaitan supaya bersama-sama mencari solusi kenapa sering berlaku penderaan," katanya.

Dalam persembangan berikatan, Amisah juga menyeru pihak berwajib untuk mengatasi masalah buli pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

"Merujuk kepada kes buli melibatkan seorang remaja lelaki berusia 17 tahun maut akibat dipukul di sebuah kolej vokasional di Lahad Datu baru-baru sangat menyedihkan kita.

"Mangsa yang merupakan pelajar program Bioteknologi di kolej berkenaan, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pasukan perubatan hanya disebabkan perselisihan kecil membuktikan bahawa isu buli perlu ditangani secara serius sebelum 'virus' itu menjadi budaya dalam kehidupan generasi kita yang akan datang," katanya.

Amisah berkata, perbuatan buli sejak dulu hingga kini masih berlaku, seolah-olah pelaku kesalahan buli tidak mempunyai akal untuk menilai perilaku baik dan tidak baik.

"Buli adalah perlakuan yang mengandungi elemen dera dan memalukan mangsa dan menyedihkan kerana sudah banyak kes pesalah telah menerima hukuman, namun kes buli seolah-olah tidak berkesudahan, malah lebih dikesali ada pihak pentadbir institusi pendidikan, cuba menyembunyi kes yang berlaku untuk menutup malu.

"Hal ini terbukti melalui apa yang dikongsi Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying di Dewan Rakyat baru-baru ini, bahawa data daripada Sistem Sahabat Diri Murid (SSDM) Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan jumlah kes buli meningkat dari tahun 2021 hingga 2023, dengan rekod tahun 2021 sebanyak 326 kes dan meningkat mendadak kepada 3,88 kes manakala pada tahun 2023, sehingga Oktober, jumlahnya adalah 4,994 kes," katanya.

Jelas Amisah, usaha untuk memperkasakan pendidikan agama dan sivil dengan merangka modul khas tentang sahsiah diri mampu membantu mengatasi masalah buli dalam kalangan pelajar.

"Saya yakin pendidikan agama dan sivil dengan modul khas, mampu menyelesaikan masalah buli dalam kalangan pelajar mahupun anggota masyarakat.

"Seawal usia enam tahun di tadika, pendidikan agama dan sivil perlu diterapkan kepada anak-anak kita.

"Budaya saling menghormati dan menyayangi antara sesama insan, menjaga hak diri dan hak orang, tindakan yang boleh dan tidak boleh dilakukan, asas undang-undang dan sebagainya mesti ditanam ke dalam diri setiap murid," katanya.

Tambah bellau, adab sopan dan menghormati sesama pelajar perlu diajar dan diterapkan sejak dari kecil, bermula di sekolah dan ibu bapa mesti mempunyai ruang masa bagi tujuan itu.

"Adab hormat-menghormati sesama rakan perlu diajar termasuk adab terhadap orang lebih muda, usia dan orang lebih berusua.

"Rasanya semua agama mengajar penganutnya menghormati sesama insan, dan melarang perbuatan menindas orang yang lemah.

"Kempen kesedaran sayangi diri dan orang sekeliling serta pengurusan kawalan diri, perlu diperluaskan di sekolah bagi memupuk pelajar dengan kemahiran empati dan mengawal emosi seawal usia muda," jelasnya lagi.

Menurut Amisah, kemajuan serta pembangunan sesebuah komuniti dan masyarakat juga bergantung kepada amalan murni dan sifat generasi penerusi legasi dan jika mereka gagal dibentuk dengan sahsiah yang baik, keruntuhan dalam institusi boleh berlaku.

"Sudah sampai masanya mereka perlu dipupuk dengan kempen sayangi diri dan persekitaran. Ini kerana dengan sayangi diri mereka, akan mengambil sikap menjaga diri mereka, dengan baik dan tidak akan menganiaya diri mereka dengan terlibat dalam aktiviti yang memudaratkan dan memusnahkan diri mereka, malah memberi kesan langsung kepada keluarga mereka.


"Ia menunjukkan generasi muda pada masa ini, beranggapan gejala buli itu sebagai perkara norma biasa, dan tidak langsung berasa bersalah melihat mangsa menderita kesakitan, cukuaplah, kita mesti ubah minda mereka," katanya.

Jelas Amisah juga, kurikulum pendidikan kebangsaan dikaji semula, dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983, pendidikan sivil telah dimasukkan dan nilai-nilai pendidikan sivil dimasukkan ke dalam subjek seperti Sains, Geografi, Sejarah dan Kesihatan.

"Pendidikan sivil kemudiannya telah diperkenalkan semula pada tahun 2003 sebagai satu mata pelajaran khusus atau berasingan.

"Namun, tidak lama selepas itu pihak kerajaan sekali lagi memansuhkan pendidikan sivil pada tahun 2013 bagi sekolah rendah dan 2017 bagi sekolah menengah.

"Oleh itu, adalah wajar pendidikan sivil diperkasakan semula dalam usaha membentuk nilai-nilai jati diri generasi muda agar mereka ini bukan sahaja pintar dalam aspek akademik tetapi juga mempunyai akhlak yang terpuji," katanya.



Wanita simbah air panas dipenjara 10 tahun, denda RM6,000

Oleh SAFINA RAMLI 23 April 2024, 11:51 am



Saw Kee (baju putih) ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Balik Pulau, hari ini.

BALIK PULAU – Mahkamah Sesyen di sini, hari ini menjatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun dan denda RM6,000 terhadap wanita yang menyimbah air panas ke arah pemuda orang kelainan upaya (OKU) Sindrom Down, Jumaat lalu.

Hakim Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin menjatuhkan hukuman itu kepada tertuduh, Oo Saw Kee ,39, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Ketika prosiding, Ahzal Fariz berkata, setelah meneliti fakta kes, mahkamah mendapati perbuatan tertuduh adalah satu kesalahan kejam dan tidak berperkemanusiaan.

“Mahkamah berkongsi sentimen dengan masyarakat bahawa ia satu perbuatan kejam, tambahan pula tidak ada provokasi daripada mangsa. Mahkamah mengambil kira kepentingan awam melebihi tertuduh.

“Tujuan hukuman ini bukan sahaja untuk memberi peringatan kepada tertuduh tetapi juga kepada masyarakat agar tidak mengulangi perbuatan ini kepada mana-mana OKU.

“Oleh itu mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan denda RM6,000 terhadap tertuduh, jika gagal membayar denda tertuduh dikenakan hukuman penjara 12 bulan,” katanya di sini hari ini.


Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bekerja sebagai pembantu jualan didakwa sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas A.Solairaj, 33, dengan menyimbah air panas ke arahnya di dalam lif sebuah pangsapuri, di Bayan Lepas, kira-kira pukul 9.24 pagi, pada 19 April lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.

Terdahulu ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Noodin Ismail memohon mahkamah mengenakan hukuman yang berat kepada tertuduh memandangkan perbuatannya menyimbah air kepada mangsa adalah satu perbuatan yang serius.

“Mangsa masih dirawat di hospital dengan kesan melecur di bahagian belakang badan, bahu serta leher, dan doktor perlu mencuci luka melecur ini. Bayangkan air panas terkena di bahagian badan.

“Oleh itu, hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh mesti memberi impak, tambahan pula mangsa akan mengalami kesedihan dan juga kecacatan kekal kesan simbahan air panas ini,” katanya. -KOSMO! ONLINE



APM selamatkan kanak-kanak terperangkap dalam kereta di Bukit Bintang

Bernama

23/04/2024 08:00 MYT



Angkatan Pertahanan Awam Malaysia menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun yang terperangkap di dalam kereta di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, malam tadi. - Foto Facebook/APM

KUALA LUMPUR: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kuala Lumpur menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun yang terperangkap di dalam kereta di Jalan Bukit Bintang, di sini, malam tadi.

Pegawai Operasi APM Kuala Lumpur, Lt Shahrul Kamar Mohd Johari berkata, dalam kejadian pukul 8.30 malam itu, bapa kepada kanak-kanak berkenaan baru selesai menukar lampin pakai buang anaknya itu sebelum menutup pintu kereta.

Beliau berkata, lelaki warga Korea Selatan yang tidak menyedari kunci kereta berkenaan berada di tangan anaknya kemudian mengunci pintu menyebabkan anaknya terperangkap di dalam kereta susulan isteri dan anak sulungnya berada di luar kenderaan itu.

"Pasukan APM yang menerima panggilan kecemasan kemudian digerakkan ke lokasi dan berjaya membuka pintu kereta berkenaan pada 8.55 malam," katanya ketika dihubungi.

Shahrul Kamar berkata APM mengambil masa 10 minit untuk membuka pintu kereta berkenaan dan pemeriksaan kesihatan mendapati kanak-kanak itu dalam keadaan sihat.



Man's three-year jail term upheld for rape of schoolmate

By Faris Fuad - April 23, 2024 @ 10:37am



A man's three year jail sentence was upheld after he was found guilty of three charges, including one of raping his female schoolmate, seven years ago. - NSTP file pic

KUALA LUMPUR: A man's three year jail sentence was upheld after he was found guilty of three charges, including one of raping his female schoolmate, seven years ago.

The accused and the victim were both 15 at that time.

The Court of Appeal's three judge bench chaired by Justice Datuk Hadhariah Syed Ismail, who sat with Justices Datuk Azman Abdullah and Datuk Azmi Ariffin, made their unanimous decision.

"On the conviction, we (bench) found that there was evidence that supported the finding of wrongdoing by the High Court.

"On the sentencing, we found there is no reason for us to disturb the ruling of the High Court.

"Therefore, the appeal of the accused on his conviction and sentence is dismissed.

"The finding of wrongdoing and the order of imprisonment by the High Court is upheld," said Justice Azmi in the grounds of judgement dated April 19 uploaded in the judiciary's website.


The charge read that the man had raped and used criminal intimidation against the girl at an apartment unit in Ampang at 3pm on July 19, 2017.

Azmi said the appellant had stated he was not at the time and place of the incident but no notice of alibi was given.

"The appellant did not inform SP8 (the eighth prosecution witness and investigating officer Inspector Queraysiah Mohamad Ishak) where he was at that time.

"The appellant had just said he was at his sister's house at 2.30pm on that day when he was questioned by the prosecution.

"Therefore, it is already very clear that the evidence of this appellant is a lie, plain denial and an afterthought which did not raise reasonable doubt in the prosecution's case," he said.



20 Mei pengurusan kes lelaki kekalkan pengakuan tidak bersalah cabul budak

© 2024-04-23T13:35:51+08:00



MIRI: Mahkamah Sesyen hari ini menetapkan 20 Mei depan untuk pengurusan kes seorang lelaki yang mengekalkan pengakuan tidak bersalah terhadap tuduhan mencabul kehormatan seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun.

Manakala perbicaraan lanjut pula ditetapkan selama dua hari bermula 12 hingga 13 Februari 2025.

Penetapan tarikh itu dibuat Hakim Azreena Aziz setelah membenarkan permohonan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Ihsan Jalaluddin.

Dalam permohonannya, Ihsan memberitahu bahawa kes ditetapkan untuk pengurusan dan serahan dokumen hari ini namun memohon tarikh baharu memandangkan dokumen yang berkaitan masih belum lengkap.

Tertuduh, 43, dari Kampung Pasir, Lutong telah didakwa mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 dan dihukum di bawah Seksyen 14 akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.


Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan serangan seksual secara fizikal ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun tiga bulan untuk tujuan seksual.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7 pagi, 3 Mac lalu di rumahnya di Kampung Pasir, Lutong.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang ditahan lanjut setelah gagal mengemukakan wang jaminan RM5,000 berserta dua penjamin tempatan merayu kepada mahkamah agar jumlah wang jaminannya dikurangkan.

Hakim Azreena membenarkan permohonan itu dan memerintahkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan (baharu) RM5,000 berserta dua penjamin tempatan dan membayar deposit RM3,000 sementara menunggu tarikh pengurusan lanjut kes.

Selain itu, mahkamah turut memerintahkan tertuduh melapor diri di balai polis berhampiran sekali sebulan dan pasportnya (sekiranya ada) ditahan sehingga kes selesai.



Penganggur didakwa lakukan amang seksual terhadap adik perempuan

Published on: Tuesday, April 23, 2024

By: Cynthia D Baga



Kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

KOTA KINABALU: Seorang penganggur berusia 30 tahun didakwa melakukan amang fizikal seksual terhadap adik perempuannya.

Lelaki itu mengaku bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Amir Shah Amir Hassan.

Bagaimanapun, pihak pendakwaan meminta tarikh baharu untuk menyebut kes itu sementara menunggu kenyataan impak daripada mangsa dan laporan perubatan.

Lelaki itu didakwa melakukan kesalahan itu terhadap remaja berusia 14 tahun itu dengan memasukkan jarinya ke dalam seluar gadis itu untuk tujuan seksual.

Insiden itu didakwa berlaku pukul 10 malam antara 9 dan 23 Mac tahun ini di sebuah rumah di sebuah kampung di Papar.

Kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 21 Mei untuk sebutan seterusnya dan memerintahkan lelaki itu direman lanjut. Timbalan Pendakwa Raya Nurul Shafeerah Mad Iskim melakukan pendakwaan manakala lelaki itu tidak diwakili.